

Publication	Berita Harian	Day/Date	Tue, 7 May 2024
Section	Bisnes	Page No(s).	25
Circulation	75,000	Frequency	Daily
Headline	Cendana Auto intai eksport kenderaan taktikal		

Cendana Auto intai eksport kenderaan taktikal

Syarikat berkaitan automotif Bumiputera, Cendana Auto Sdn Bhd sedang mengintai untuk mengeksport beberapa varian kenderaan taktikal ringannya seperti Fitted For Radio (FFR) dan Kenderaan Pembawa Senjata (KPS) ke pasaran luar negara seperti Brunei dan Timor Leste.

Pengaruhnya, Abdul Rauf Nassiruddin, berkata setakat ini, perbincangan sudah dilakukan dengan negara terabit yang dilihat menunjukkan minat positif untuk mengimport kenderaan tersebut dan sekiranya berjaya eksport pertama dijangka bermula pada suku ketiga tahun ini.

Selain pasaran itu, beliau berkata, negara Afrika seperti Tanzania dan Sudan turut menunjukkan minat sama terhadap varian kenderaan keluaran syarikat itu yang memiliki keupayaan 100 peratus tenaga kerja dan kapakanan Bumiputera terdiri daripada graduan dan pelatih dari kolej dan universiti tempatan.

tempatan.

“Semua negara ini kita sedang dan sudah berbincang dan mereka menunjukkan minat yang positif, sekarang tunggu maklum balas mereka,” katanya ketika dijumpai pada Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024, di Kuala Lumpur, semalam.

Selain FFR, syarikat itu sebelum ini berjaya menghasilkan varian kenderaan ketenteraan, iaitu SF-21X (*High Mobility Light Tactical Vehicle*); Weapon Platform (*Armed Tactical Ground Vehicle*) dan Mortar Transporter (*Ground Tactical Mortar Transporter*) yang dibina dan dipasang di kilangnya di Semenyih, Selangor.

Abdul Rauf berkata, sehingga kini, syarikat itu berjaya menyiapkan 20 unit kenderaan FFR kepada Malaysia Battalion (MALBATT) untuk misi pengamanan di Lubnan dan 21 unit lagi kepada Tentera Darat Malaysia (TDM).

Menurutnya, semua produk keluaran syarikat diujji ketahanannya oleh Kementerian Pertahanan dan Polis Diraja Malaysia, malah disahkan memenuhi piawaian ditetapkan untuk kegunaan taktikal.

Sempena DSA 2024, Cendana Auto yang menyertai pameran berkenaan buat kali ketiga turut memperkenalkan dua varian baharu, iaitu VEXTOR (*Light Tactical Troop Transporter*) yang merupakan prototaip ketujuh dihasilkannya dan MAGATTI (*Light Strike Vehicle*). BERNAMA